

INI ADALAH RINGKASAN PROSPEKTUS BERTARIKH 20 OGOS 2025 (“PROSPEKTUS”) YANG DITERBITKAN SEMPENA PENYENARAIAH EXPRESS POWERR SOLUTIONS (M) BHD DI PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (“PENYENARAIAH”)



EXPRESS POWERR SOLUTIONS (M) BHD
(No. Pendaftaran 202301027296 (1521219-K))
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 2016)

TAWARAN AWAM PERMULAAN (“IPO”) SEMPENA DENGAN PENYENARAIAH DAN SEBUT HARGA BAGI KESELURUHAN MODAL SAHAM TERBITAN DIPERBESARKAN EXPRESS POWERR SOLUTIONS (M) BHD (“EXPRESS POWERR” ATAU “SYARIKAT”) DI PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (“BURSA SECURITIES”) YANG TERDIRI DARIPADA:

- (I) TERBITAN AWAM SEBANYAK 180,000,000 SAHAM BIASA BAHARU DALAM EXPRESS POWERR (“SAHAM”) DENGAN CARA BERIKUT:
- 46,722,600 SAHAM BAHARU TERSEDIA UNTUK PERMOHONAN OLEH ORANG AWAM MALAYSIA;
 - 18,688,800 SAHAM BAHARU TERSEDIA UNTUK PERMOHONAN OLEH PENGARAH KAMI DAN PEKERJA KAMI YANG LAYAK SERTA ORANG-ORANG YANG TELAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN EXPRESS POWERR DAN ANAK SYARIKATNYA (“KUMPULAN”);
 - 63,193,900 SAHAM BAHARU DENGAN CARA TAWARAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR TERPILIH; DAN
 - 51,394,700 SAHAM BAHARU DENGAN CARA TAWARAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR BUMIPUTERA TERPILIH YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI MALAYSIA (“MITI”); DAN

DAN

(II) TAWARAN UNTUK JUALAN SEBANYAK 65,411,500 SAHAM SEDIA ADA DENGAN CARA TAWARAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR BUMIPUTERA TERPILIH YANG DILULUSKAN OLEH MITI,

PADA HARGA IPO SEBANYAK RM0.20 SETIAP SAHAM, DIBAYAR PENUH SEMASA PERMOHONAN.

Penasihat Utama, Penaja, Penaja Jamin Tunggal dan Ejen Penempatan Tunggal



Mercury Securities Sdn Bhd
(No. Pendaftaran 198401000672 (113193-W))
(Sebuah Organisasi Peserta Dagangan Bursa Malaysia Securities Berhad)

PERBADANAN DAN MODAL SAHAM

Express Powerr telah diperbadankan di Malaysia pada 17 Julai 2023 di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai sebuah syarikat sendiri berhad di bawah nama Express Powerr Solutions Sdn Bhd dan kemudiannya menukar namanya kepada Express Powerr Solutions (M) Sdn Bhd pada 25 Ogos 2023. Pada 23 Oktober 2023, Express Powerr telah ditukar kepada sebuah syarikat awam berhad dan menggunakan nama semasa sebagai Express Powerr Solutions (M) Bhd.

Modal saham terbitan Express Powerr ialah RM33,951,164 terdiri daripada 754,449,089 Saham pada tarikh Prospektus. Selepas Penyenaraian, modal saham yang diperbesarkan Express Powerr akan meningkat kepada RM69,951,164 yang terdiri daripada 934,449,089 Saham.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Express Powerr pada dasarnya ialah syarikat induk pelaburan dan melalui anak syarikatnya, mereka terlibat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan penyewaan penjana dan perkhidmatan lain yang berkaitan termasuk pembekalan bahan-bahan sampingan seperti papan pengedaran, panel penyegerakan penjana, transformer, peralatan suis, bank beban dan kabel untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang berbeza-beza. Sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan dan rancangan masa depan kami, kami telah berkembang dalam penawaran penyelesaian fotovoltak solar walaupun segmen ini masih dalam peringkat awal pembangunan.

Tempat perniagaan utama Express Powerr terletak di No. 6 (Tingkat Bawah), Jalan Tiara 5, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor.

KEKUATAN DAYA SAING

- (i) Kumpulan mempunyai armada penjana dengan kapasiti yang berbeza-beza dan mampu menyediakan pelbagai perkhidmatan penyewaan penjana.
- (ii) Kumpulan mempunyai armada penjana yang diselenggara secara berkala.
- (iii) Rekod prestasi dan reputasi Kumpulan.
- (iv) Kumpulan sokongan operasi dan teknikal yang kompeten untuk perkhidmatan penyewaan penjana Kumpulan.

LEMBAGA PENGARAH

Nama	Jawatan	Warganegara
Dato’ Mohd Redza Shah Bin Abdul Wahid	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Lim Cheng Ten	Pengarah Urusan	Malaysia
Rosli Bin Jonid	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Malaysia
Abdul Rahman Bin Adam	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Aun Siew Kuan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia
Farah Shireen Binti Mohamed Said	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia

PROSPEKTUS DAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Saham baharu mestilah mengikut terma Prospektus dan Perlembagaan Express Power. Permohonan untuk Saham baharu hendaklah dibuat pada Borang Permohonan (seperti yang ditakrifkan dalam Prospektus) yang dikeluarkan bersama Prospektus dan mesti dilengkapkan mengikut nota dan arahan dalam kategori Borang Permohonan masing-masing. Hanya individu Malaysia boleh memohon Saham baharu dengan cara Permohonan Saham Elektronik (“PSE”) melalui Mesin Juruwang Automatik (“ATM”) institusi kewangan yang mengambil bahagian; atau Permohonan Saham Internet (“PSI”) melalui laman web perkhidmatan kewangan internet institusi kewangan penyertaan internet atau firma sekuriti yang mengambil bahagian.

Orang yang menghantar permohonan melalui Borang Permohonan atau PSE atau PSI mesti mempunyai akaun Sistem Depositori Pusat dan alamat surat-menyurat di Malaysia. Orang yang mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan tidak boleh mengemukakan permohonan melalui PSE atau PSI dan sebaliknya. Sebuah Syarikat atau institusi tidak boleh memohon Saham baharu melalui PSE atau PSI.

Borang Permohonan disertakan dengan Prospektus. Permohonan yang tidak mematuhi SECARA TEGAS terma Prospektus atau Borang Permohonan atau nota dan arahan yang dicetak di dalamnya atau yang tidak boleh dibaca tidak akan diterima. Untuk permohonan melalui PSE atau PSI, permohonan mesti dibuat mengikut arahan, serta prosedur yang ditetapkan pada skrin ATM institusi kewangan yang mengambil bahagian atau langkah-langkah yang ditetapkan di laman web perkhidmatan kewangan internet institusi kewangan penyertaan internet atau firma sekuriti yang mengambil bahagian, masing-masing.

HANYA SATU BORANG PERMOHONAN BAGI SETIAP KATEGORI DARIPADA SETIAP PEMOHON AKAN DIPERTIMBANGKAN DAN PERMOHONAN MESTI BAGI SEKURANG-KURANGNYA 100 SAHAM IPO ATAU GANDAAN 100 SAHAM IPO. PERMOHONAN BERGANDA TIDAK AKAN DITERIMA MELAINKAN DIBENARKAN SECARA NYATA DALAM TERMA DAN SYARAT INI.

PROSPEKTUS DAN PERMOHONAN (SAMB)

Borang Permohonan Putih berserta salinan Prospektus boleh diperolehi (tertakluk kepada ketersediaan) daripada Mercury Securities Sdn Bhd, organisasi peserta dagangan Bursa Securities, Malaysian Issuing House Sdn Bhd dan Express Powerr. Salinan elektronik Prospektus juga boleh diperolehi daripada laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com.

Permohonan Borang Merah Jambu (salinan bercetak atau elektronik) bersama salinan Prospektus atau hiperpautan kepada Prospektus elektronik akan dihantar kepada orang yang layak.

Menurut Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (“**SICDA**”), Bursa Securities telah menetapkan Saham sebagai sekuriti ditetapkan. Oleh itu, Saham yang diterbitkan / ditawarkan melalui Prospektus akan didepositkan terus dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (“**Bursa Depository**”) dan sebarang dagangan dalam Saham tersebut akan dilaksanakan selaras dengan SICDA dan Peraturan Bursa Depository. Tiada sijil saham fizikal akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.

Prospektus telah didaftarkan oleh Bursa Securities. Prospektus, bersama dengan Borang Permohonan, juga telah diserahkan simpan dengan Pendaftar Syarikat, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya.

Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus. Jika terdapat keraguan, sila rujuk penasihat profesional.

PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Saham baharu akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 20 Ogos 2025 dan akan terus dibuka sehingga jam 5.00 petang, pada 8 September 2025.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada jadual waktu, Express Powerr akan mengiklankan notis perubahan dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan membuat pengumuman mengenai perubahan tersebut di laman web Bursa Securities dengan sewajarnya.

Permohonan lewat tidak akan diterima.

PENYENARAIAH DIPOHON

Pasaran ACE Bursa Securities

FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Walaupun dengan prospek Kumpulan seperti yang digambarkan dalam Prospektus, pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti faktor-faktor risiko berikut yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas prestasi masa depan Kumpulan, sebagai tambahan kepada semua maklumat berkaitan lain yang terkandung di bahagian lain dalam Prospektus, sebelum membuat Permohonan untuk Saham.

- A. Risiko-risiko berkaitan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan**
- (i) Kumpulan sangat bergantung kepada 4 pelanggan utama
 - (ii) Operasi perniagaan Kumpulan tertakluk kepada turun naik harga diesel industri
 - (iii) Perniagaan dan operasi Kumpulan bergantung kepada armada penjanjannya berada dalam keadaan boleh beroperasi dan berfungsi pada setiap masa
 - (iv) Kumpulan bergantung kepada tenaga kerja mahir dan berpengalaman untuk operasinya
 - (v) Kumpulan bergantung kepada Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan utamanya untuk kejayaan dan pertumbuhan perniagaannya yang berterusan
 - (vi) Kumpulan terdedah kepada risiko kredit dan kemungkinan pembayaran oleh pelanggannya
 - (vii) Kumpulan terdedah kepada bahaya dan risiko di tempat kerja
 - (viii) Kumpulan terdedah kepada risiko yang terhasil daripada isu alam sekitar yang material
 - (ix) Tiada jaminan bahawa perlindungan insurans Kumpulan akan mencukupi
 - (x) Kumpulan tidak dapat memastikan bahawa strategi perniagaan dan rancangan masa depannya akan dilaksanakan dengan jayanya
- B. Risiko-risiko yang mempengaruhi industri di mana Kumpulan beroperasi**
- (i) Kumpulan menghadapi persaingan daripada pemain pasaran lain dan peserta pasaran baharu
 - (ii) Express Powerr terdedah kepada risiko politik, ekonomi dan kawal selia di Malaysia dan kejadian force majeure
- C. Risiko-risiko berkaitan dengan pelaburan Saham**
- (i) Penawaran Saham mungkin tidak menghasilkan kecairan pasaran yang aktif untuk Saham
 - (ii) Harga dagangan dan volum dagangan Saham mungkin tidak menentu
 - (iii) Express Powerr mungkin tidak dapat mengisytiharkan dividen kepada pemegang sahamnya
 - (iv) Penyenaraian mungkin ditangguhkan atau digugurkan
 - (v) Pengaruh ketara oleh Penganjur kami

Sila rujuk Seksyen 9 Prospektus untuk butiran lanjut mengenai faktor-faktor risiko di atas.